

AXCEL DICYCLOMINE-S SYRUP

Dicyclomine Hydrochloride/Simethicone (5mg/50mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Dicyclomine-S Syrup.
2. Bagaimana Axcel Dicyclomine-S Syrup berfungsi.
3. Sebelum mengambil Axcel Dicyclomine-S Syrup.
4. Cara menggunakan Axcel Dicyclomine-S Syrup.
5. Semasa menggunakan Axcel Dicyclomine-S Syrup.
6. Kesan- kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Dicyclomine-S Syrup.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

Apakah kegunaan Axcel Dicyclomine-S Syrup

Axcel Dicyclomine-S Syrup digunakan untuk melegakan kolik (sakit perut memulas), kembung perut dan ketidakselesaan pada bahagian abdomen akibat gas yang terperangkap di dalam badan.

Bagaimana Axcel Dicyclomine-S Syrup berfungsi

Dicyclomine adalah ubat untuk mengurangkan kekejangan dan kesakitan pada saluran pencernaan. Simethicone merendahkan ketegangan permukaan, ia menyebabkan gelembung gas dalam saluran pencernaan bergabung, dengan ini membantu dalam penyingkirannya.

Sebelum mengambil Axcel Dicyclomine-S Syrup

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil Axcel Dicyclomine-S Syrup jika:

- Bayi berumur kurang dari 6 bulan.
- Anda mengalami glaukoma sudut tertutup (peningkatan tekanan dalam mata).
- Anda mengalami halangan saluran kencing atau perut dan usus.
- Anda mengalami status kardiovaskular (jantung atau salur darah) yang tidak stabil dalam pendarahan akut atau

aliran balik kandungan gastrik yang membawa kepada kerengsaan esofagus (salur makanan).

- Anda mengalami pengurangan atau tiada pergerakan usus.
- Anda alah atau hipersensitif kepada Dicyclomine dan bahan-bahan lain.
- Suhu sekeliling yang tinggi terutamanya pada kanak-kanak.

-Sebelum mula mengambil

Anda perlu memaklumkan kepada doktor anda jika:

- Anda mengalami demam, asma atau hiatal hernia (bahagian perut menolak ke dada).
- Anda menghidapi penyakit hati atau buah pinggang yang serius, serangan jantung akut atau tekanan darah tinggi.
- Anda merupakan golongan yang berumur dan dalam keadaan yang dicirikan degupan jantung yang lebih laju dari biasa & individu lesu yang menghidapi penyakit paru-paru yang berpanjangan.
- Anda mengandung.
- Anda alah pada sebarang ubat.

-Jika mengambil ubat- ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan berikut kerana ia mungkin bertindakbalas dengan Axcel Dicyclomine-S Syrup:

- Parasympatholytics yang lain (digunakan untuk mengendurkan otot licin, mengurangkan peluh yang berlebihan).
- Guanethidine, reserpine (digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi).
- Histamina (digunakan untuk merawat alergi).
- Antasid (digunakan untuk merawat pedih ulu hati dan ketidakhadaman).

Ia mungkin masih selamat bagi anda untuk mengambil Axcel Dicyclomine-S Syrup dan doktor akan menentukan apa yang sesuai untuk anda.

Cara menggunakan Axcel Dicyclomine-S Syrup

-Berapa banyak harus digunakan

Untuk penggunaan oral sahaja.

Dewasa: 10-20ml.

Kanak-kanak (2-12 tahun): 10ml, (6 bulan - 2 tahun): 5 - 10ml, jumlah dos harian sepatutnya tidak melebihi 40ml.

-Bila perlu digunakan

Untuk digunakan 3-4 kali sehari, 15 minit sebelum makan. Doktor anda akan menentukan bila anda perlu mengambil Axcel Dicyclomine-S Syrup mengikut keadaan anda.

-Berapa lama perlu digunakan

- Ambil ubat ini seperti yang dicatatkan di dalam risalah ini tanpa melebihi sukatan.
- Ikut saranan dan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda.

-Jika terlupa menggunakan

- Jangan mengandakan sukatan kerana Axcel Dicyclomine-S Syrup mungkin akan memberikan kesan sampingan yang merbahaya.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

- Anda dinasihatkan supaya menghubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda mengambil Axcel Dicyclomine-S Syrup berlebihan.
- Gejala terlebih dos termasuk: kadar degupan jantung lebih cepat daripada biasa, pernafasan yang cepat, demam tinggi, rangsangan sistem saraf pusat (SSP) seperti kekeliruan, keterujaan, pergerakan yang tidak selaras dan sawan sekali sekala. Ruam mungkin muncul di bahagian muka atau bahagian atas tubuh badan.

Semasa menggunakan Axcel Dicyclomine-S Syrup

-Perkara yang perlu dilakukan

- Bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda tentang perkara

AXCEL DICYCLOMINE-S SYRUP

Dicyclomine Hydrochloride/Simethicone (5mg/50mg)

yang patut dan tidak patut anda lakukan semasa mengambil ubat ini.

- Maklumkan kepada doktor anda jika anda perlu mengambil ubat lain tanpa diduga.
- Ambil Axcel Dicyclomine-S Syrup mengikut dos yang disarankan.
- Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami kesan sampingan yang tidak tersenarai di dalam risalah ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil Axcel Dicyclomine-S Syrup lebih daripada kekerapan yang dicadangkan dalam satu hari.
- Jangan lebihi dos tablet pada setiap satu masa pengambilan.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

- Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana Axcel Dicyclomine-S Syrup memberi kesan kepada anda.

Kesan- kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Dicyclomine-S Syrup boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan berikut telah dilaporkan:

- Peningkatan tekanan di dalam mata terutamanya kepada individu yang mengalami glaukoma sudut tertutup.
- Kekeringan mulut dengan kesukaran menelan dan bercakap.
- Kehausan.
- Penurunan rembesan bronkial.
- Pengembangan anak mata dengan kehilangan penyesuaian dan sensitif pada pendedahan cahaya.
- Kemerahan dan kekeringan pada kulit.
- Kadar denyutan yang perlahan dan sementara diikuti dengan denyutan jantung yang cepat,

dengan rasa degupan jantung yang kuat dan tidak teratur.

- Kesukaran membuang air kecil.
- Penurunan dalam ton dan pergerakan salur pencernaan yang menyebabkan sembelit.
- Peningkatan suhu badan.
- Rangsangan Sistem Saraf Pusat (SSP).
- Muntah-muntah mungkin berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Dicyclomine-S Syrup

-Penyimpanan

Jauhkan Axcel Dicyclomine-S Syrup daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah 30°C. Pastikan bekas ubat tertutup rapat dan lindungi dari cahaya.

-Pelupusan

Jangan guna Axcel Dicyclomine-S Syrup selepas tarikh luput yang dinyatakan pada kotak.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Axcel Dicyclomine-S Syrup ialah sejenis sirap berwarna jingga dengan perisa oren.

-Bahan- bahan kandungan

- Bahan Aktif:

Dicyclomine Hydrochloride
Simethicone

- Bahan Tidak Aktif:

Refined Sugar, Xanthan Gum,
Methylparaben, Cremophor
RH40, Citric Acid, Propylene

Glycol, Saccharin Sodium, Sunset Yellow, Orange Flavor dan Purified Water.

-Nombor MAL

MAL19991140AZ

Pengilang dan pemegang pendaftaran produk

Kotra Pharma (M) Sdn Bhd
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,
Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

06/03/2018

Nombor siri

NPRA(R4/1)150118/00010